

10 FEB 2000

Syed Hamid-Timor Timur

LAWATAN GUSMAO BERJAYA JALIN HUBUNGAN MALAYSIA DAN TIMOR TIMUR

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Lawatan pemimpin kemerdekaan Timor Timur Xanana Gusmao selama tiga hari ke Malaysia berjaya menjalinkan perhubungan buat pertama kali antara pemimpin Timor Timur dengan pemimpin Malaysia, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya semasa lawatan rasmi tiga hari yang berakhir semalam, Gusmao telah berpeluang bertemu dan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan beliau sendiri (Syed Hamid) serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

"Ini adalah penting untuk memahami (Timor Timur) dan Malaysia sentiasa melihat kepada perkara yang menunjukkan bahawa kewujudan Timor Timur adalah satu hakikat dan ia akan menjadi sebuah negara merdeka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang dan Sijil Penghargaan kepada anggota Kementerian Luar, di sini hari ini.

Beliau berkata Malaysia akan menerima hakikat itu dan akan menjalinkan hubungan dengan Timor Timur berasaskan hakikat kewujudannya dan kepentingan rantau ini.

Gusmao, Presiden Majlis Kebangsaan Penentangan Rakyat Timor Timur (CNRT) yang diiringi Naib Presiden CNRT Jose Ramos-Horta turut melawat dan diberi taklimat di beberapa agensi kerajaan iaitu Unit Perancang Ekonomi (EPU), Lembaga Pembangunan Kemajuan Industri (MIDA) dan FELDA.

Katanya semasa pertemuan dengan pemimpin Malaysia, Gusmao menyatakan hasrat Timor Timur untuk mendapatkan pelbagai bentuk bantuan dalam bidang latihan dan khidmat nasihat serta sumbangan rakyat Malaysia bagi memulih dan membangun semula bekas wilayah ke-27 Indonesia yang mencapai kemerdekaan menerusi satu pungutan suara yang dikendalikan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Ogos lepas.

"Kita (kerajaan) tidak ada masalah terhadap permintaan pelbagai bantuan termasuk dalam bidang latihan dan khidmat nasihat dan secara prinsipnya kita juga telah bersetuju untuk membantu mereka berdasarkan kemampuan dan keupayaan kita," katanya.

Gusmao semasa melawat Yayasan Salam dan mengadakan pertemuan dengan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) semalam turut meminta sumbangan sukarela rakyat Malaysia seperti pensil dan kertas bagi membolehkan anak-anak Timor Timur bersekolah.

"Kita berharap media akan dapat memainkan peranan bagi membantu pertubuhan sukarela mendapatkan sumbangan apa-apa untuk diserahkan kepada anak-anak di Timor Timur supaya mereka dapat belajar," katanya.

Mengenai permintaan supaya Malaysia menambah anggota pasukan pengamannya di bawah PBB di Timor Timur, Syed Hamid berkata kerajaan sudah bersetuju dan tindakan lanjut akan diambil oleh Kementerian Pertahanan.

Selain itu, beliau berkata kerajaan juga secara prinsipnya bersetuju untuk membantu Timor Timur melatih pegawai diplomatik serta menghantar pasukan polis untuk membantu dalam bidang keamanan.

Mengenai hasrat Gusmao menghantar pasukan teknikal ke Malaysia, beliau berkata ia adalah satu langkah yang baik untuk meneruskan momentum perhubungan antara Malaysia dan Timor Timur.

Bagaimanapun, katanya untuk mengetahui apakah keperluan sebenar Timor Timur, ia terlebih dahulu hendaklah menubuhkan perkhidmatan awam supaya anggota terlatih dapat dibentuk dan mengetahui kehendak dan keperluan wilayah itu.

"Mereka sudah senaraikan keperluan yang mereka hendak, tetapi kita mesti tahu apa sebenarnya yang mereka perlukan," katanya.

Timor Timur kini berada di bawah Pentadbiran Peralihan Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu (Untaet) dan Gusmao dijangka berkemungkinan besar menjadi presiden pertama bagi negara merdeka itu.

Ditanya sama ada Timor Timur ada menyatakan hasrat untuk menyertai Asean, Syed Hamid berkata yang paling penting bagi Timor Timur sekarang ialah untuk menubuhkan kerajaan dan soal untuk menjadi anggota Asean pada masa ini belum termasuk dalam agenda utama mereka.

"Tetapi mereka hendak menjalin perhubungan dengan Asean serta memahami organisasi Asean dan merapatkan diri dengan pemimpin-pemimpin Asean... mereka berada di rantau ini," katanya.

Beliau berkata negara ini sentiasa bekerjasama dengan negara-negara serantau dan Malaysia hendak melihat negara di rantau ini mencapai kemajuan dan pembangunan.

Ditanya apakah Timor Timur akan diberikan status pemerhati pada mesyuarat pemimpin negara Asean, Syed Hamid berkata: "Saya tidak mahu buat spekulasi, bila tiba masanya kita akan bincang mengenainya. Biarlah mereka membuat persediaan sendiri."

Asean dianggotai oleh Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

HS RHM